

Perkara  
**IV**

HUBUNGAN INDUSTRI

**HUBUNGAN INDUSTRI****1. Pendedahan Industri (IndEx)**

Program IndEx merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan industri kepada pelajar tahun 1 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini akan dijadikan penanda aras dalam menentukan sama ada pelajar layak untuk mengikuti program IndEnt pada tahun 2 kelak.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

Program ini telah dijalankan pada:

- (a) 9 Januari 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik)  
 - Melibatkan seramai 213 orang pelajar Tahun 1 Program Diploma dan Ijazah.

- (b) 21 September 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan)  
 - Melibatkan seramai 185 orang pelajar Tahun 1 Program Diploma dan ijazah.
- (c) 26 September 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses)  
 - Melibatkan seramai 110 orang pelajar Tahun 1 peringkat Ijazah
- (d) 2 Oktober 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik)  
 - Melibatkan seramai 193 orang pelajar Tahun 1 Diploma dan Ijazah
- (e) 16 Oktober 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan)  
 - Melibatkan seramai 202 orang pelajar Tahun 1 Diploma dan Ijazah
- (f) 23 Oktober 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan)  
 - Melibatkan 207 orang pelajar Tahun 1 Diploma dan Ijazah
- (g) 23 Oktober 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik)  
 - Melibatkan 274 orang pelajar Tahun 1 Diploma dan Ijazah
- (h) 29 Oktober 2010 (Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar)  
 - Melibatkan 134 orang pelajar Tahun 1 Ijazah

Antara pihak industri yang terlibat adalah seperti:

Bil	Nama Industri Terlibat	Penceramah
1.	Infineon Kulim Sdn Bhd	En. Syed Amri bin Abd. Manan
2.	Calestica Kulim	En. Nik Azharudin Nik Hassan & En. Amir Sharifuddin Mahayudin
3.	Kilang Gula Perlis Sdn. Bhd.	En. Osman bin A. Karim
4.	MARDI	En. Abu Hassan bin Daud
5.	Tenaga Nasional Berhad	Cik Rabiahah binti Abu Bakar
6.	Raz Associates Sdn. Bhd.	Ir. Wan Zainuddin bin Wan Ali
7.	Janatamia Engineering Sdn. Bhd.	En. Mohd Salehuddin bin Kidin
8.	Dell Malaysia	Pn. Azwanti binti Zuber
9.	Southern Wire Industries (Malaysia) Sdn. Bhd	En. Badlishah bin Baharom
10.	Venture Electronics (M) Sdn. Bhd.	En. Mohames Fauzi bin Mohamed Husain
11.	Toyo-Memory Technology	En. Razali bin Mustapha
12.	Healthtronics (M) Sdn. Bhd.	En. Zulkifli bin Othman



## 2. Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt)

Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini telah dicadangkan supaya menjadi sebahagian daripada kursus Keusahawanan I yang bakal ditawarkan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat pembiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanannya. Program IndEnt bagi tahun 2010 telah ditangguhkan buat sementara atas sebab kesesuaian masa. Namun begitu, untuk perlaksanaan akan datang pihak Pusat Kerjasama Industri akan bekerjasama dengan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan untuk menjayakan program ini.

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berasaskan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera yang profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalami kursus Keusahawanan.

## 3. Program Latihan Industri (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Pada tahun 2010 terdapat beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh UniMAP untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Antara perubahan tersebut adalah dari segi masa perlaksanaan iaitu pada cuti semester selama 12 minggu dan sistem penilaian adalah lulus/gagal, tetapi untuk kod kursus masih mengekalkan EIT300. Perubahan ini adalah hanya

untuk program ijazah saja, manakala program diploma masih mengekalkan struktur asal yang mana tempoh pelajar ditempatkan di industri adalah selama 4 bulan dengan kod kursus DIT316.

Berikut adalah Jadual Pelaksanaan Latihan Industri Program Ijazah dan Diploma yang terkini yang akan berlangsung pada 2011.

Program	Masa
Ijazah	25 April - 22 Julai 2011 (12 Minggu)
Diploma	03 Jan - 30 April 2011 (16 minggu)

## 4. Majlis Dialog Bersama Industri

Majlis Dialog Bersama Industri diadakan bertujuan memperkuuhkan jalinan hubungan kerjasama yang terjalin antara UniMAP dengan pihak industri. Melalui program ini, Anjung UniMAP Kulim (AUK) dan Pusat Kerjasama Industri (CIC) menjadi penghubung dengan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan usaha-usaha meningkatkan promosi dan imej UniMAP khususnya di kawasan Kulim Hi-Tech Park, Kulim dan Pulau Pinang. Majlis Dialog Bersama Industri ini diadakan sempena Jamuan Hari Raya UniMAP-Industri pada 7 Oktober 2010 di Anjung UniMAP, Kulim

## 5. Perkhidmatan Perundingan

Agilent - *UniMAP Development Program For Associate Product Test Engineer (AUDP)*

Program ini adalah sebuah program yang akan melibatkan Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. sebagai pihak yang menyedia peserta (juruteknik) dan UniMAP sebagai sumber kepakaran akademik serta Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. sebagai penyedia prasarana untuk seperti bilik kuliah dan bilik makmal. Kualiti pengajaran/pembelajaran serta kurikulum dan silibus adalah setanding dengan apa yang dilaksanakan di UniMAP. Peserta program yang telah mengikuti dengan jayanya setiap modul (subject) akan diberikan sijil 'Certificate of Completion'. Program AUDP ini telah memasuki program ketiga iaitu AUDP IV.

Program kerjasama ini adalah bertujuan melatih juruteknik-juruteknik Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang - bidang berkaitan berdasarkan kurikulum UniMAP. Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan terhadap

UniMAP oleh pihak industri dan antarabangsa. Program ini seterusnya akan dikembangkan untuk meliputi seberapa banyak syarikat elektronik multi nasional di sekitar Pulau Pinang mengikut keupayaan.

## 6. Pembangunan Kerjaya

Pembangunan kerjaya merupakan salah satu usaha yang telah dilakukan oleh CIC dalam membantu para

graduan universiti dalam mencari dan mendapatkan pekerjaan. Bukan sahaja graduan yang telah tamat malah graduan yang masih belajar juga telah diberikan pendedahan awal sebagai persediaan menghadapi sesi temuduga. Oleh yang demikian, Pusat Kerjasama Industri telah dipertanggungjawabkan bagi melaksana dan meningkatkan program-program kebolehpasaran siswazah. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

Bil.	Industri	Tarikh Program	Catatan
1	ROHM-Wako Electronics (M) Sdn Bhd	28 - 29/1/2010	Menawarkan pelbagai kekosongan jawatan kepada pelajar-pelajar tahun akhir UniMAP. Hari pertama, diadakan sesi "Career Talk" di Dewan Keikhlasan Tingkat 10, Bangunan KWSP. Seramai 35 orang pelajar telah hadir ke sesi ini. - Seramai 17 pelajar telah dipilih untuk menghadiri sesi temuduga pada hari kedua.
2	On-Semiconductor (M) Sdn. Bhd. Seremban (Sesi I)	01/2/2010	Sesi temuduga pelajar diadakan di Pulau Pinang, hebahan telah dibuat melalui portal dan juga melalui Timbalan Dekan (HEPA & Alumni) Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan kerana jawatan yang ditawarkan sesuai dengan PPK Bahan
3	Agro Industrial Supplies (M) Sdn Bhd	10/2/2010	Terdapat enam (6) jawatan kosong ditawarkan untuk pelajar lepasan Diploma
4	Karnival Kerjaya USM	10/3/2010	Karnival Kerjaya USM melibatkan lebih banyak syarikat-syarikat baru. Melalui Karnival ini, CIC telah mendapat jaringan hubungan industri-industri baru yang boleh untuk pelajar-pelajar UniMAP memohon kerja.
5	Continental Automotive Malaysia, Pulau Pinang	16/3/2010	Sesi temuduga diadakan di Bilik Seminar Taman Kechor pada 16 Mac 2010. Seramai 65 orang pelajar menghadiri sesi temuduga.
6	Ann Joo Steel Berhad	19/3/2010	Pengumpulan resume dilakukan melalui hebahan kepada pelajar yang berminat. Sebanyak 15 resume dikumpul dan akan disenarai pendek untuk sesi temuduga di Syarikat Ann Joo Steel Berhad
7	On-Semiconductor (M) Sdn. Bhd. Seremban (Sesi II)	29/3/2010	Diadakan di Bilik Seminar Taman Kechor pada 29 Mac 2010 dan hebahan dibuat di Portal UniMAP untuk makluman pelajar dan juga kepada Timbalan Timbalan Dekan (HEPA & Alumni).
8	Renesas Semiconductor Kulim	30/3/2010	Sesi temuduga pelajar akan diadakan pada 30 Mac 2010 di Bilik Seminar Taman Kechor. Senarai pendek berdasarkan resume pelajar yang diberi telah dipilih oleh pihak industri sebelum temuduga dijalankan. Seramai 40 orang pelajar telah disenarai pendek untuk temuduga.
9	Karnival Kerjaya UTP, Tronoh, Perak	31/3/2010	Karnival Kerjaya UTP banyak melibatkan syarikat-syarikat terutama dari sektor perindustrian minyak & gas /petroleum iaitu Petronas, Shell, Baker Hughes (M) Sdn Bhd., Bumi Armada Berhad, Scomi Group Berhad. Seramai 36 pelajar dari PPK Bahan menghadiri temuduga yang dijalankan.
10	Continental Automotive, Pulau Pinang	02/4/2010	Sesi temuduga kali kedua melibatkan 4 orang pelajar dari PPK Komputer & Perhubungan dan PPK Mikroelektronik.



## Aktiviti-aktiviti Hubungan Industri



## HUBUNGAN INDUSTRI

Bil.	Industri	Tarikh Program	Catatan
11	Renesas Semiconductor Kulim	07/4/2010	Sesi temuduga kali kedua telah melibatkan 5 orang pelajar. Temuduga dilakukan di syarikat berkenaan.
12	Karnival Kerjaya & Keusahawanan 2010	09 -10/4/2010	Pengumpulan resume melibatkan semua pelajar tahun akhir dan hebatan melalui portal UniMAP telah dijalankan. - Sebanyak 1230 resume pelajar telah diserahkan kepada industri & sebanyak 260 orang pelajar berjaya untuk sesi temuduga
13	Renesas Semiconductor Kulim	15/4/2010	Hanya melibatkan seorang pelajar dari PPK Bahan.
14	Continental Automotive Malaysia, Pulau Pinang	16/4/2010	Melibatkan 3 orang pelajar untuk jawatan NPI iaitu : 1. Lee Wai Loong , 2. Lo Miew Wan, 3. Abdul Majid Bin Jamaludin
15	Sesi Temuduga & 'Career Talk' oleh Texas Instruments Malaysia (TIM)	07/5/2010	Seramai 38 orang pelajar telah menghadiri sesi 'Career Talk' dan sesi temuduga yang diadakan di Bilik Seminar Tun Dr Mahathir, Blok B, Seriab. Hanya seorang panel terlibat dalam sesi tersebut.
16	MSC Malaysia Job Camp	12/7 - 05/8/2010	Program ini memfokuskan " Open Source Embedded System Design" yang dikendalikan oleh Dream Catcher Consulting Sdn Bhd. Program ini melibatkan seramai 25 orang pelajar
17	Silterra Job Camp	27/9/2010	Seramai 15 orang pelajar berjaya menjalani program ini .
18	Infineon, Kulim Job Camp	20/9 - 30/11/2010	Pelajar yang terlibat adalah seramai 30 orang. (Industrial Technical Apprenticeship Enhancement Program)
19	Western Digital (M) Penang, Job Camp	19 - 24/9/2010	Pelajar yang telah terlibat dengan program ini adalah pelajar akhir tahun diploma. Program yang dijalankan kepada pelajar adalah untuk memberi penerapan dan pengetahuan tentang bagaimana syarikat Western Digital (M) ini beroperasi.
20	Malaysia Automotive Institute (MAI) Job Camp	01/10/2010	Pengumpulan resume dilakukan bagi pelajar yang CGPA 2.7 ke atas sahaja dan seramai 20 orang pelajar menyertai program yang diadakan di Vendor Perodua, Shah Alam.
21	On - Semiconductor (M) Sdn Bhd, Seremban	20/11 - 20/12/2010	Pengumpulan resume pelajar- pelajar yang berkaitan
22	Sesi Temuduga & Career Talk Oleh Syarikat (My Partner) untuk Program " My Career My Future"	15/11/2010	Seramai 7 orang bekas graduan menghadiri sesi temuduga ini.
23	Program "My Career My Future"	25/11- 31/12/2010	Seramai 33 org bekas pelajar yang terdiri dari pelajar UniMAP & bukan UniMAP. Program ini juga telah dijalankan dengan jayanya atas kerjasama UniMAP dan syarikat My Partner. Program ini memberi penekanan terhadap bekas graduan yang belum bekerja untuk mendapatkan pekerjaan mereka kelak.

Aktiviti-aktiviti Hubungan Industri



